

Warga asing cemar imej negara

JENAYAH pelacuran yang dikenali sebagai pekerjaan tertua di dunia dilihat tiada pasang surut di negara ini.

Pelacuran boleh dikategorikan sebagai seks haram atau seks luar nikah. Seks haram bermaksud hubungan seksual yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak dan diistilahkan sebagai zina oleh ulama.

Zina menjadikan tahap keimanan seseorang itu semakin lemah kerana dirinya dikuasai oleh hawa nafsu.

Ini dijelaskan dalam Firman Allah dari surah Al-Isra' Ayat 32 yang bermaksud "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)".

Statistik Unit Pencegahan Maksiat Bahagian Kongsy Gelap, Perjudian dan Maksiat (D7) Polis Bukit Aman menunjukkan antara Januari hingga Februari lalu, warga asing paling ramai ditangkap kerana terbabit dalam pelacuran.

Mereka ialah warga China seramai 653 orang, diikuti Vietnam (367), Thailand (300), Mongolia enam, Nigeria dan Sri Lanka masing-masing empat dan India satu.



PEGAWAI Imigresen berjaya membuat tangkapan pelacur asing yang melakukan aktiviti di Jalan Pasar, Kuala Lumpur.

Kemasukan mereka ke negara ini rata-ratanya menggunakan dua taktik utama.

Pertama, menggunakan visa dan menyalahgunakan pas lawatan sosial sebagai pekerja, pelajar dan tidak

kurang juga sebagai pelancong.

Kedua, masuk melalui ejen atau sindiket dengan membayar sejumlah wang sebagai upah membawa mereka masuk ke Malaysia.

Mengapa mereka memilih

Malaysia?

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kongsy gelap, Judi dan Maksiat (D7) Polis Bukit Aman, Datuk Abdul Jalil Hassan, kemudahan pengangkutan

menjadi galakan kepada mereka datang ke negara ini.

Kos yang begitu murah dalam sistem pengangkutan seperti penerbangan kos murah melalui Internet menjadi pemangkin untuk mereka datang ke negara ini.

Faktor lain yang menjadikan pelacur warga asing memilih Malaysia sebagai destinasi utama aktiviti maksiat mereka adalah untuk meraih pendapatan lumayan.

Mereka hanya perlu menjual tubuh dalam masa yang singkat untuk memperoleh sejumlah wang yang banyak bagi menampung perbelanjaan harian.

Tindakan menghentikan visa ketibaan dan pas lawatan sosial kepada warga asing dapat membantu membendung kegiatan pelacuran.

Selain itu, pihak berkuasa negara ini juga diharapkan bekerjasama dengan pihak berkuasa luar negara untuk bersama-sama menghapuskan sindiket pelacuran.

Pelacuran ialah perbuatan yang tergelincir daripada norma kehidupan timur yang diamalkan oleh masyarakat di Malaysia.

■ **Cieh: Norulzih Abdul Mubin**
Pelajar Tahun Ketiga,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia.